

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 18 (A29)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan melawat dan menyalurkan dana yang sewajarnya ke Sekolah-sekolah Agama Johor yang mengalami masalah kerosakan bangunan yang serius, kekurangan fasiliti asas seperti kerusi dan meja ?

JAWAPAN YB TUAN MOHD FARED BIN MOHD KHALID

Kerajaan melalui Unit Pembangunan JAINJ, Bahagian Pendidikan dan PPID sentiasa melaksanakan pemantauan dan meminta laporan segera sekiranya terdapat kerosakan serius yang mengancam keselamatan guru dan murid di sekolah. Ia juga termasuk kekurangan parabut seperti kerusi, meja murid dan guru di semua sekolah dengan permohonan setiap tahun kepada Bahagian Pendidikan Islam.

Bagi sekolah-sekolah yang mengalami kerosakan akibat ribut dan banjir, kerajaan, MAINJ dan JAKIM sedia memberikan bantuan kecemasan kepada sekolah-sekolah terlibat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 19 (A111)**

Kebanyakan belia cenderung menyertai aktiviti secara berkumpulan tetapi tidak melalui organisasi yang ditubuhkan secara sah. Apakah JBSNJ membuat sebarang kajian khusus, langkah dan kaedah selain pemudahcara menggalakkan belia mewujudkan persatuan secara lebih mudah tanpa syarat yang terlalu ketat tetapi terkawal.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Setakat ini Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor tidak ada membuat kajian khusus berkaitan perkara ini. Sebarang kajian khusus yang sistematik dan terperinci berkaitan pembangunan belia dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Walaupun demikian, pihak Jabatan bersama Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) sentiasa mengambil langkah dan memudah cara bagi proses mewujudkan persatuan melalui khidmat nasihat, bimbingan dan bengkel pemantapan pertubuhan belia.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 20 (A182)**

Mohon lampu jalan / lampu limpah dapat dipasang di sepanjang Jalan Tanjung Laboh bermula dari ADTEC hingga ke Pekan Senggarang ekoran kawasan tersebut terlalu gelap dan sering berlakunya kemalangan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Jabatan Kerja Raya telah menyenaraikan kawasan ini dalam senarai keutamaan permohonan lampu jalan di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya Di Bawah RMKe-12, Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2021 peruntukan lampu jalan yang diluluskan bagi Daerah Batu Pahat adalah di kawasan Semerah. Jabatan Kerja Raya telah menyenaraikan semula permohonan pencahayaan di kawasan ini iaitu dari Kampung Tanjung Laboh hingga ke ADTEC dengan anggaran kos berjumlah RM1,150,250.00 bagi permohonan tahun 2022 dan akan dilaksanakan segera sekiranya diluluskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 21 (A54)**

Minta dinyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemudahan jaringan internet di kawasan kampung bagi membantu mahasiswa dan pekerja supaya dapat bertugas dengan baik.

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi negeri Johor, Kerajaan telah merancang pembinaan 229 menara baru, penaiktarafan 4,094 stesen pemancar kepada teknologi 4G/LTE, ketersediaan sambungan gentian optik kepada 545,444 premis, dan pembinaan 11 jalur lebar satelit yang dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2023.

Bagi mengatasi masalah capaian internet di kawasan bandar dan luar bandar, perkembangan pelaksanaan pelan JENDELA di negeri Johor sehingga suku pertama 2022 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (Premis)		Jalur Lebar Satelit	
	Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan
JOHOR	114	115	3,884	210	285,118	260,326	11	0

Bagi DUN Parit Raja, perkembangan infrastruktur sehingga suku pertama 2022 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (Premis)	
	Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan
DUN Parit Raja	3	0	63	5	4,020	0

Oleh yang demikian, kesemua inisiatif ini memerlukan kerjasama serta tindakan beberapa pihak berkepentingan lain termasuk pihak Kerajaan Negeri. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan memastikan JENDELA terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 22 (A60)**

Kekurangan tenaga buruh disektor peladangan terutama di ladang kelapa sawit pada masa kini, sangat membimbangkan. Apakah tindakan dan cara yang telah diambil bagi penyelesaian permasalahan ini kerana dilihat menjejaskan pendapatan pemilik ladang.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Pihak MPOB masih menunggu status usaha pihak kementerian bagi kemasukkan pekerja asing bagi sektor perladangan kelapa sawit. Secara dalaman, usaha untuk menarik pekerja tempatan untuk bekerja di ladang kelapa sawit juga sedang dilakukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 23 (A69)

Bilakah persimpangan bertingkat berhampiran Plaza Tol Cahaya Baru (SDE) boleh dibuka kepada orang ramai? Kesesakan jalanraya pada waktu puncak semakin kritikal di kawasan sekitar Taman Kota Masai - Taman Pasir Putih.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Jalan susur "*directional ramps*" berhampiran Plaza Tol Cahaya Baru merupakan projek pembangunan pihak ketiga yang dilaksanakan melalui permohonan Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL) LLM, oleh Tetuan Meridin East Sdn Bhd (MESB) sebagai pemaju bagi projek pembangunan perumahan Bandar Meridin East.

Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah memberikan kelulusan bersyarat kepada Meridin East Sdn Bhd (MESB) bagi permohonan jalan susur "*directional ramps*" dari Lebuhraya Senai Desaru ke tapak cadangan pembangunan bercampur Bandar Meridin East, Cahaya Baru, Masai, Johor selaras dengan kelulusan YB Menteri Kanan Kerja Raya selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

Sehingga kini, pihak MESB belum menyelesaikan kerja-kerja pembaikan dan keperluan teknikal lain yang perlu dilaksanakan bagi membolehkan akses jalan susur "*directional ramps*" baharu ini dibuka kepada umum. Selain daripada itu, pihak MESB masih belum menunaikan semua keperluan dan syarat-syarat yang ditetapkan bagi membolehkan akses jalan susur "*directional ramps*" ini beroperasi dengan selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembukaan akses baharu ini perlu memenuhi semua syarat-syarat sebagaimana dinyatakan dalam Sijil Kesempurnaan Pembinaan (SKP) yang telah dikeluarkan pihak LLM kepada MESB dan ini termasuk pewartaan jajaran baharu oleh pemohon yang masih tertangguh sehingga kini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 24 (A176)**

Apa perancangan kerajaan negeri untuk memperhebatkan dan menceriakan kawasan pelancongan di DUN Mahkota yang mempunyai banyak tarikan pelancong?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Salah satu teras pelancongan yang telah dirancang dan dibangunkan di dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor ialah berkaitan dengan tema Eko-Pelancongan dan Agro-Pelancongan yang melibatkan dua produk utama di dalam Kawasan bersama DUN Mahkota dan DUN Mengkibol, iaitu Gunung Lambak dan Gunung Belumut.

Untuk makluman, Kawasan Dun Mahkota terletak di antara kawasan pusat bandar Daerah Kluang yang mempunyai pelbagai fasiliti seperti hotel dan pasaraya serta taman awam yang menjadi sokongan utama kepada aktiviti ekopelancongan dan limpahan ekonomi dengan kedatangan pengunjung ke Daerah Kluang terutama di kawasan Dun Mahkota.

Lawatan pihak Tourism Johor, bersama-sama Jabatan Perhutanan Johor pada November 2021 yang lepas ke Taman Eko-Rimba Gunung Belumut bagi tujuan pemantauan, mendapati bahawa Gunung Belumut amat sesuai dibangunkan sebagai Pusat Edu-Ecotourism Belumut yang menjadikan ianya sebuah pusat Pendidikan, Pelancongan, Konservasi dan Rekreasi bagi penduduk di Daerah Kluang dan Negeri Johor serta pengunjung dari dalam dan luar Negara. Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah merancang untuk membangunkan kompleks Edu-Ecotourism Belumut yang lengkap dengan fasiliti bagi memastikan kawasan tersebut menjadi tumpuan dan akan mempromosikan kawasan bandar sebagai destinasi bagi penginapan dan pelancongan yang wajib disinggahi pengunjung terutama di kawasan Dun Mahkota, Kluang. Kedudukan ini juga dilihat sebagai peluang Gunung Belumut disenaraikan sebagai Destinasi Pelancongan Negara.

Ini kerana kawasan tersebut mempunyai daya tarikan yang banyak diantaranya terdapat Taman Eko Rimba Gunung Belumut yang mempunyai pelbagai fasiliti serta chalet, dataran, gerai, dewan terbuka, tandas, gazebo, tapak perkhemahan yang menjadi tumpuan pengunjung bagi berekreasi dan beriadah serta perkhemahan. Kawasan tersebut juga merupakan pintu masuk bagi pendakian ke 3 puncak Gunung iaitu Puncak Gunung Belumut (1,010 meter), Puncak Gunung Chemendong (846 meter) dan Puncak Gunung Gua Rimau (889 meter) serta Air Terjun Lata Tengkorak, Belumut yang merupakan kawasan ekopelancongan yang menjadi tumpuan pendakian bagi pengunjung dalam dan luar negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

Selain daripada itu, terdapat kawasan Air Terjun Sungai Yong yang dalam perancangan pembangunan Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk menubuhkan Taman Eko Rimba Sungai Yong yang mempunyai daya tarikan air terjun dengan jarak perjalanan 10 kilometer ke kawasan tersebut menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4x4). Selain itu, terdapat juga kawasan pendakian di Gunung Lambak yang terletak di Hutan Simpan Renggam di kawasan Dun Mengkibol yang menjadi tumpuan pengunjung setiap minggu bagi aktiviti pendakian dan rekreasi.

Dengan jumlah anggaran pengunjung tahunan adalah seramai 60,000 orang di kawasan ekopelancongan Gunung Belumut dan Gunung Lambak yang berada berdekatan dengan Dun Mahkota dan terletak di pertengahan jajaran Banjaran Titiwangsa (Selatan), ianya secara tidak langsung memberikan limpahan ekonomi dan menjadikan kawasan 3 Dun (Dun Mahkota, Dun Mengkibol dan Dun Kahang) sebagai Destinasi Ekopelancongan Negara di samping pihak Tourism Johor memperhebatkan dan mempromosikan kawasan Dun Mahkota dengan fasiliti seperti perhotelan dan promosi makanan yang menarik di sekitar bandar Daerah Kluang.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Kluang dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor bagi menambah dan menyelenggara kembali produk-produk pelancongan tersebut melalui bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan.

Penyelenggaraan fasiliti dan keceriaan Kawasan masih lagi diteruskan sehingga kini memandangkan pemuliharaan Kawasan-kawasan eko-pelancongan tersebut memerlukan belanja yang amat tinggi.

Selain itu juga, dengan kerjasama pelbagai persatuan, kelab dan komuniti sukan dan pelancongan Daerah Kluang, pihak Tourism Johor telah bekerjasama dan menyokong pelbagai pelaksanaan Acara-acara Pelancongan Sukan seperti Acara Berbasikal Lasak, Larian Pelancongan, Aktiviti Mountain Bike serta Aktiviti Sukan Permotoran lain termasuklah 4WD, ATV dan Climbathon untuk diketengahkan sebagai aktiviti pelancongan utama di Kawasan DUN Mahkota.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 25 (A105)**

Adakah bayaran petugas-petugas PDK akan dinaikkan sehingga RM1500.00 supaya selaras dengan perintah gaji minimum 2022?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ialah sebuah Pertubuhan yang melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] mempunyai entiti perundangannya sendiri dan adalah berbeza dengan kerajaan. Secara amnya, pertubuhan bebas untuk mentadbir mengikut perlembagaannya, penetapan waktu bekerja dan elaun tambahan yang difikirkan sesuai.

Dimaklumkan juga, penyelia dan petugas PKPDK dilantik oleh jawatankuasa pertubuhan dan bertugas secara sukarela di pusat PDK atau di rumah. Bagi menghargai penglibatan Penyelia dan Petugas sebagai sukarelawan di bawah seliaan Pertubuhan dalam menjayakan Program Pemulihan Dalam Komuniti, Elaun di bayar kepada mereka berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan. Ini bermakna mereka tidak terikat dengan gaji minimum sebagai pekerja.

Pertubuhan boleh membuat penetapan mengenai bayaran tambahan kepada penyelia dan petugas PKPDK bergantung kepada kaedah pengambilan penyelia dan petugas oleh Pertubuhan itu sendiri sama ada secara "contract of service" atau secara "contract for service".

Bagi "contract for service", seseorang itu dibayar untuk melakukan sesuatu tugas dan tiada syarat perkhidmatan yang ditetapkan. Manakala "contract of service" ialah Pertubuhan sebagai "majikan" kepada penyelia dan petugas tersebut. Penyelia dan petugas pula sebagai "pekerja". Sebagai majikan, Pertubuhan boleh membuat apa-apa penetapan mengenai apa-apa syarat perkhidmatan mengenai tempoh bekerja dan tambahan elaun lain yang difikirkan sesuai.

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan bantuan kewangan kepada Penyelia, Petugas dan Pelatih PKPDK di negeri Johor. Pada pembentangan bajet Tahun 2021 kerajaan persekutuan telah mengumumkan kenaikan elaun kepada Penyelia dan Petugas PDK. Sehubungan itu **mulai Mac 2021**, kadar elaun yang diterima **oleh Penyelia telah dinaikkan dari RM1200.00 sebulan kepada RM 1500.00**. Sementara elaun yang diterima oleh **Petugas pula dinaikkan dari RM800.00 kepada RM1200.00 sebulan**.

Dimaklumkan juga di Negeri Johor, mulai tahun 2015 setiap Penyelia dan Petugas telah menerima Elaun Tambahan dari kerajaan negeri Johor sebanyak RM 200.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

sebulan bagi setiap Penyelia dan Petugas. Oleh itu, jumlah keseluruhan elaun yang diterima oleh Penyelia adalah sebanyak RM1700.00 sebulan dan petugas adalah sebanyak RM1400.00 sebulan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 26 (A126)**

Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Johor dalam menangani isu ketiadaan infrastruktur telekomunikasi talian tetap di kawasan-kawasan kediaman baru dan kawasan-kawasan perindustrian.

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peranan utama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah mengawal selia peraturan industri berdasarkan kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998) dan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998).

Dalam menjalankan akta ini, peranan Suruhanjaya ialah untuk melaksanakan dan menggalakkan objektif dasar nasional kerajaan untuk sektor komunikasi dan multimedia.

Pihak Kerajaan Negeri Johor berperanan sebagai pemudahcara dalam memastikan kelancaran pelaksanaan dasar-dasar berkaitan telekomunikasi yang telah diputuskan di peringkat Kerajaan Persekutuan agar liputan rangkaian telekomunikasi di negeri ini dalam keadaan yang baik.

Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) tidak hanya bertumpu pada inisiatif-inisiatif pembinaan infrastruktur digital secara fizikal, malah, dasar-dasar berkaitan komunikasi turut dicadangkan untuk ditambah baik dan beberapa kertas kerja bagi menambah baik dasar komunikasi yang dibawa oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah pun diluluskan di peringkat kerajaan Negeri Johor.

Antara kertas kerja berkaitan komunikasi yang dibawa ke peringkat negeri dan telah pun diluluskan adalah:

- Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA);
- Perkhidmatan Komunikasi sebagai Utiliti Awam;
- Pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-i)

Kertas kerja lain yang masih dalam penelitian pihak Kerajaan Negeri adalah:

- Penambahbaikan Prosedur Permohonan Pemajuan Menara atau Struktur Komunikasi.
- Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) berkaitan penggunaan Borang G20 untuk proses Kebenaran Merancang (KM) di peringkat OSC

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

Pelaksanaan GPP-i ini akan memastikan kawasan-kawasan kediaman dan perindustrian yang baru akan dilengkapi dengan infrastruktur telekomunikasi talian tetap dan mudah alih ketika proses permohonan Kebenaran Merancang (KM).

Seterusnya, bagi kawasan-kawasan kediaman dan industri yang sedia ada, penyediaan infrastruktur talian tetap akan dilaksanakan melalui JENDELA fasa 1 dan fasa 2. Sebelum pelaksanaan JENDELA, dianggarkan hanya sejumlah 621,751 premis yang mempunyai sambungan gentian optik. Pelaksanaan JENDELA Fasa 1 (2020-2022) yang sedang berlangsung akan meningkatkan bilangan premis di Johor yang mempunyai sambungan talian tetap gentian optik kepada 1.11 juta premis berdasarkan anggaran bancian 2020 dimana Johor mempunyai lebih 1,354,679 premis secara keseluruhannya.

Justeru itu, antara peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan negeri adalah memastikan pelaksanaan JENDELA oleh MCMC ini berjalan dengan lancar dengan mempermudah dan mempercepatkan kelulusan "Wayleave" di peringkat Pihak Berkuasa Melulus di bawah Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 27 (A49)

Mohon penambahan lampu jalan kampung di kawasan DUN Sungai Balang untuk mengatasi risiko berlakunya kemalangan dan jenayah.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 28 (A113)

Adakah kerajaan mempunyai rancangan menambah lampu-lampu jalan di kampung-kampung terutama di kawasan tumpuan awam dan persimpangan jalan yang kerap berlaku kemalangan khususnya DUN Bukit Naning?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

(Jawapan bersekali untuk soalan A49 & A113)

Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK), KPLB telah menetapkan bahawa 40 unit lampu akan dipasang di setiap kampung induk atau rangkaian dengan mengambil kira saiz kampung dan bilangan rumah yang ada di dalam kampung tersebut dan tertakluk kepada skop Garis Panduan LJK KPLB yang berkuat kuasa.

Jika terdapat keperluan yang melebihi had yang ditetapkan, permohonan boleh disalurkan kepada KPLB Negeri Johor untuk perhatian dan tindakan. Walau bagaimanapun, sebarang kelulusan permohonan pemasangan LJK tambahan adalah tertakluk kepada pertimbangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Untuk makluman, Negeri Johor telah menerima peruntukan sebanyak 8,636 Unit LJK bagi Program Pemasangan LJK Fasa 10 bagi tahun 2020/2021 dan merupakan peruntukan tertinggi berbanding negeri-negeri di semenanjung bagi Fasa 10. Program Pemasangan LJK Fasa 10 telah selesai dengan kemajuan di tapak adalah sebanyak 100%. Sehingga kini tiada pengumuman baru fasa baru program Lampu Jalan Kampung bagi fasa seterusnya bagi tahun semasa. Sekiranya ada sebarang keperluan, permohonan LJK boleh dikemukakan kepada KPLB melalui Pejabat KPLB Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 29 (A42)**

Perkhidmatan internet jalur lebar gentian optik amat diperlukan bagi semua lapisan masyarakat. Apakah inisiatif yang sedang/ akan diambil untuk memastikan rakyat Johor dapat menikmati perkhidmatan ini dalam tempoh 3 tahun dan nyatakan peratus kadar liputan UNIFI setakat ini mengikut daerah.

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Pihak kerajaan negeri bersama-sama pihak Telekom Malaysia Berhad (TM) mengambil berat berkenaan isu pelaksanaan internet jalur lebar dan usaha giat sentiasa dan sedang dilakukan oleh TM untuk menambah baik liputan telekomunikasi di seluruh negara. Pada masa ini, ianya telah menjadi agenda utama pihak TM untuk memberikan liputan kepada semua lapisan masyarakat tidak kira di mana jua mereka berada.

Bagi memastikan rakyat johor dapat menikmati perkhidmatan unifi ini dalam tempoh 3 tahun, TM telah menjalankan pelbagai inisiatif di antaranya:

- a) Projek naiktaraf pengguna STREAMYX ke perkhidmatan UNIFI sedang giat dijalankan, di mana kami menyasarkan semua pelanggan streamyx akan di alihkan ke unifi menjelang akhir 2022.
- b) Semua kawasan yang diliputi STREAMYX akan dinaiktaraf ke perkhidmatan UNIFI (fiber optik). Pihak TM telah menaiktaraf ke semua 115 ibusawat TM bagi menyediakan sokongan terhadap inisiatif naiktaraf ini.
- c) Bagi kawasan rural/pedalaman yang tiada liputan STREAMYX, TM akan terus mengutarakan cadangan untuk disenaraikan di bawah penyediaan liputan menggunakan dana pemberian perkhidmatan sejagat (USP) di bawah Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- d) TM dari masa ke semasa, akan terus menjalankan kajian terperinci di kawasan-kawasan yang terdapat permintaan untuk penggunaan internet di seluruh negeri Johor
- e) Pihak kami sedang dan akan terus berusaha untuk memastikan liputan internet jalur lebar akan dapat dinikmati oleh keseluruhan penduduk di johor melalui Inisiatif JENDELA dan projek-projek penyediaan infrastruktur jalur lebar di bawah rancangan perniagaan TM.

TM dari masa ke semasa, akan terus menjalankan kajian terperinci di kawasan-kawasan yang terdapat permintaan untuk penggunaan internet di seluruh negeri johor

- a) Pihak kami sedang dan akan terus berusaha untuk memastikan liputan internet jalur lebar akan dapat dinikmati oleh lebih ramai penduduk di johor melalui inisiatif jendela dan projek-projek penyediaan infrastruktur jalur lebar di bawah rancangan perniagaan tm.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

Untuk makluman, **pelaksanaan unifi telah mencapai tahap liputan lebih kurang 70%** di kawasan berpenduduk di negeri johor. Statistik ini adalah berdasarkan kepada jumlah premis yang menghampiri 1.16 juta (*sumber: department of statistic 2020 + bil premis perniagaan*)

a) Kadar liputan unifi mengikut daerah adalah sepertimana berikut:

BIL	DAERAH	% LIPUTAN
1	BATU PAHAT	71%
2	JOHOR BAHRU	92%
3	KLUANG	69%
4	KOTA TINGGI	21%
5	KULAIJAYA	57%
6	LEDANG	44%
7	MERSING	33%
8	MUAR	64%
9	PONTIAN	27%
10	SEGAMAT	19%
	KESELURUHAN NEGERI JOHOR	70%

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 30 (A146)

Dengan jangkaan kenaikan inflasi pada tahun ini, apakah langkah-langkah kawalan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang terkesan terutama golongan B40 dan M40 di negeri ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **YB Tanjung Surat**, kenaikan inflasi merupakan isu global yang turut memberi kesan kepada inflasi di Malaysia. Isu kenaikan harga barang juga berlaku disebabkan beberapa punca, antaranya rantaian bekalan makanan, kekurangan sumber dan kebergantungan hasil, serta masalah ketidaktentuan di peringkat global, melibatkan kepimpinan, politik, kesihatan dan gangguan rantaian perniagaan.

Kebergantungan negara kepada bekalan makanan dari luar juga menyebabkan sebarang perubahan harga import yang memberi kesan kepada harga bahan makanan dalam negara.

Meskipun isu kenaikan harga barang dan inflasi merupakan tanggungjawab di peringkat persekutuan, kerajaan negeri turut mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kesannya terhadap rakyat. Beberapa bantuan yang telah diberi semasa menghadapi pandemik, masih relevan dan akan diperkembangkan. Bantuan Kasih Bangsa Johor contohnya akan terus diperkasakan dalam memberi bantuan secara terus kepada rakyat.

Pelbagai perancangan dan *exit plan* sedang direncanakan, antaranya dialog bersama pemain industri terutama pembekal makanan dan peniaga bagi mengenalpasti punca dan justifikasi yang lebih kukuh terhadap punca dan jalan penyelesaiannya.

Kerajaan negeri juga akan mengukuhkan agenda sekuriti makanan negeri. Pelaksanaan agenda itu akan memastikan bekalan dan harga makanan kekal stabil, tidak membebankan pengguna, serta meningkatkan mutu produk sektor terbabit.

Kerajaan negeri Johor komited dalam usaha mengawal kenaikan harga barang, pelbagai agensi kerajaan perlu sentiasa proaktif memastikan inflasi dapat dikawal. Sinergi yang erat perlu dijalin antara jabatan, agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta, pemborong dan peruncit dalam mengawal kadar inflasi khususnya melibatkan barangan asas para pengguna.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 31 (A158)**

Apakah itu Maharani Energy Gate Way dan sejauh manakah projek ini memberikan kesan kepada rakyat dan sosio ekonomi negeri Johor amnya dan khususnya pada Maharani.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk Makluman **YB Maharani**, *Maharani Energy Gateway* merupakan cadangan untuk membangunkan hab tenaga lestari serantau dan pelabuhan laut dalam. Ia merupakan pembangunan berasaskan perindustrian yang terdiri daripada pelbagai aktiviti maritim ini termasuklah penstoran minyak dan gas serta perdagangan, operasi *Ship to Ship*, perdagangan *bunker*, industri petrokimia, loji janakuasa, operasi pelabuhan laut dalam, membaik pulih perkapalan, perkhidmatan logistik marin dan pembuatan peralatan marin.

Lokasi tapak cadangan adalah terletak di **Mukim Bandar (Plot A), Mukim Parit Bakar (Plot B), Mukim Sri Menanti (Plot C) dan Mukim Sungai Balang (Plot D), Daerah Muar, Johor. Keluasan keseluruhan** cadangan pembangunan ini adalah melibatkan **3,249.48 ekar**.

Pembangunan ini dijangka memberikan kesan jangka masa panjang terhadap Negeri Johor yang meliputi limpahan positif dalam tempoh 10 tahun seperti berikut :

- Jumlah *Gross Domestic Product* (GDP) iaitu RM42 bilion.
- Peningkatan Faktor Penggandaan Ekonomi sebanyak RM258 bilion.
- Kewujudan 10,000 – 15,000 peluang pekerjaan.
- Peningkatan populasi penduduk Muar daripada 288,900 ke 380,00 orang (31.5%)
- Lokasi tarikan pelabur
- Perkembangan industri maritim setempat; dan
- Penambahbaikan kualiti hidup penduduk.

Hasil keputusan **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 02/2021 yang bersidang pada 6 Julai 2021 telah bersetuju terhadap Projek Pembangunan Maharani *Energy Gateway*.**

Sehubungan dengan itu, keperluan **pengubahan bagi Rancangan Struktur Negeri Johor (RSNJ) 2030 (Pengubahan 1)** dilakukan bagi menyelaras **pembangunan berimpak tinggi terutamanya menjadikan Muar sebagai kluster minyak dan gas serta memperkasakan sektor ekonomi sekunder ini.**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

Projek ini dilihat bakal mendatangkan kelebihan positif terhadap sosio – ekonomi Daerah Muar. Potensi dari segi faedah kewangan adalah meliputi peningkatan jumlah **Gross Domestic Product (GDP)** yang bakal dijana serta **kesan penggandaan ekonomi**.

Projek ini juga akan dapat mentransformasi **Daerah Muar sebagai Hab Tenaga Serantau**. Dengan adanya infrastruktur pelabuhan laut dalam yang lengkap serta strategik, Muar akan menjadi **lokasi laluan terpenting perdagangan antarabangsa dan perkapalan**.

Peluang bagi menarik pelabur asing adalah tinggi sekaligus merancakkan ekonomi setempat .

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 32 (A116)

Minta dinyatakan usaha terkini dalam merealisasikan Ikhtiar BN Johor terutama mewujudkan Pasar Borong Digital (Digital Wholesale Market) kerana ia dilihat mampu menyelesaikan masalah isu “orang tengah” yang kini dilihat amat serius kerana mereka didakwa mengawal harga pasaran tempatan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk Makluman YB Benut, cadangan Pasar Borong Digital atau “Digital Wholesale Market” ini merupakan sebahagian daripada Pelan Hub Makanan Johor atau *Johor Food Hub (JFH)* .

Inisiatif digitalisasi ini bertujuan mengumpul dan menghubungkan pengeluar, penternak, petani, pemborong dan peniaga dengan pengguna.

Pelan yang sama menggariskan satu platform digital dengan akses melalui aplikasi dan juga laman web bagi aktiviti jual beli secara runcit, pukal dan borong sedang dibangunkan.

Ia bagi menyatukan pelbagai produk agro makanan untuk dipasarkan dalam talian dan global, samada secara perniagaan ke perniagaan *Business to Business* ataupun perniagaan ke pelanggan *Business to Consumer*.

Platform itu juga membolehkan pekebun kecil menjual hasil mereka ke pasaran yang lebih luas merangkumi pasaran domestik, dan seterusnya mengeksport ke pasaran serantau dan antarabangsa. Rantaian bekalan akan lebih cekap dan dapat memberi peluang kepada pekebun kecil untuk menjana pendapatan yang konsisten dan serta keuntungan lebih tinggi.

Ketika ini, perancangan sedang dilakukan bagi merangka pelan *Johor Food Hub*, dibantu oleh dua pakar perunding luar yang berpengalaman dalam aspek teknikal meliputi struktur korporat, pembangunan model “*hub & spoke*”, *logistik*, *platform digital*, pemasaran dan infrastruktur khusus.

Pelan tersebut dijangka dimuktamadkan menjelang akhir suku ke-3 tahun 2022.